

30 NOV 97

Mahathir-Margin

BANK AKAN MEROSOT JIKA PENTINGKAN DIRI SENDIRI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan bank-bank tempatan bahawa mereka akan turut mengalami kemerosotan jika terus mementingkan kedudukan sendiri dalam keadaan ekonomi negara sekarang ini.

Perdana Menteri berkata, walaupun kedudukan bank-bank tempatan pada masa ini lebih kukuh berbanding di beberapa negara lain, mereka juga akan mengalami masalah jika tidak mematuhi arahan kerajaan.

Merujuk kepada keghairahan sesetengah bank yang membuat panggilan margin berlebihan walaupun diarah mengurangkannya, beliau berkata: "Ya, kita sudah bagi arahan jangan buat "panggilan margin", tetapi kononnya mereka nak menjaga bank mereka.

"Tetapi percayalah kalau ekonomi negara kita merosot, bank pun akan merosot. Sebab itu mereka harus mengutamakan ekonomi negara dan bukan kepentingan diri mereka sahaja," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas mengenai panggilan margin yang dilakukan oleh bank-bank masa kini.

Dr Mahathir berkata demikian selepas merasmikan Hari Keluarga Jabatan Perdana Menteri di Taman Tasik Titiwangsa di sini.

Minggu lepas, Dr Mahathir menyatakan bahawa panggilan margin tidak akan disekat keseluruhannya kerana tindakan itu akan membawa masalah kepada sektor perbankan.

Kerajaan mengambil pertimbangan sewajarnya dalam hal ini bagi mengelakkan bank-bank menghadapi masalah, katanya.

Panggilan margin adalah permintaan oleh broker atau bank kepada pelanggan untuk meningkatkan marginnya atau simpanan yang diperlukan bagi menjalankan urusan niaga kerana potensi kerugian dijangka lebih besar berbanding sebelum ini.

Berikutan manipulasi berterusan yang mengakibatkan kejatuhan mendadak pasaran mata wang dan pasaran saham di negara ini, pelabur-pelabur yang menggunakan saham sebagai cagaran untuk memperolehi pinjaman menghadapi masalah panggilan margin apabila nilai saham itu jatuh teruk.

Dr Mahathir turut mendedahkan sikap segelintir rakyat Malaysia yang mementingkan diri sendiri pada masa ini dengan menukar mata wang ringgit kepada mata wang asing dan kemudiannya menyimpan di institusi kewangan luar negara.

"Kita dapat tahu ada juga orang yang sudah tidak yakin kepada ringgit sendiri kerana takut jatuh, maka mereka tukar kepada wang asing dan ada kalanya simpan di luar negeri," katanya.

"Dan tindakan ini sendiri menurunkan nilai mata wang ringgit. Sekarang ini bukan orang asing, orang kita pulak (yang menjatuhkan nilai ringgit)," katanya.

Apabila ditanya, Perdana Menteri bagaimanapun tidak menjelaskan pihak yang berbuat sedemikian.

"Tak tahulah siapa, 'you' tanya dia," katanya apabila ditanya adakah pihak korporat yang terlibat dalam hal itu. -- BERNAMA

RAZ AH PR